# PANDUAN PENYEDIAAN PELAN LAMPU AWAM

| Bil | Perkara | Semakan | | | Catatan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Patuh | Tidak Patuh | Tidak berkaitan | |
| **A** | **Keperluan-Keperluan Am** | | | | |
| 1. | Pelan lampu awam hendaklah dilipat kepada saiz A4, menyediakan ruang untuk pengesahan dibahagian atas penjuru kanan, diwarnakan dengan jelas.<br><br>Pelan lampu awam :-<br>a. Pelan kunci, pelan lokasi, pelan tapak cadangan<br>b. Jalan keluar masuk beserta nama jalan, jarak antara lampu dan lain-lain yang berkaitan<br>c. Lukisan pelan skematik dari peti pembekal lampu jalan<br>d. Pelan 'Feeder Pillar' dan gambarajah litar<br>e. Pelan keratan rentas kedudukan tiang yang disahkan oleh Jurutera M & E | | | | |
| **B** | **Tiang Dan Jenis Lampu** | | | | |
| **B1** | **Kawasan Komersial/ Perniagaan** | | | | |
| 1. | Bagi tiang lampu galvani, tiang hendaklah dari jenis keluli bergalvani rendam panas yang dibuat mengikut BS 1840 dan BS 5649 dan digalvanikan mengikut BS 729 serta diluluskan oleh pihak MPAG serta diiktiraf oleh SIRIM Malaysia. | | | | |
| 2. | Pintu perkhidmatan setiap tiang hendaklah diperbuat daripada gentian kaca (fiber glass) dan berengsel dua di bahagian atas (double slotted hinged). | | | | |
| 3. | Lantera lampu jalan mestilah dari jenis L.E.D. lengkap dengan surge protection device (SPD) dengan indeks perlindungan IP66 pada Optical System dan LED Driver. Lampu tersebut mestilah mematuhi piawaian MPAG, JKR Malaysia, IKRAM (binaan tempatan),SIRIM Malaysia. Catalog lampu jalan juga perlu disertakan lengkap dengan (LUX calculation). Nilai minima kecerahan pada blind spot adalah 15LUX serta Jaminan 5 tahun dari pembekal. | | | | |
| 4 | Pemasangan lampu jalan hendaklah berkadaran :-<br><br>a. 120-150W bagi kawasan komersil/ perniagaan.<br>b. 150-180W bagi jalan utama | | | | |

| Bil | Perkara | Semakan | | | Catatan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Patuh | Tidak Patuh | Tidak berkaitan | |
| | | | | | |
| **B2** | **Kawasan Perumahan** | | | | |
| 1. | Lampu awam hendahlah di sediakan/ pasang pada setiap tiang | | | | |
| 2. | Kadaran 100W minimum bagi setiap lampu | | | | |
| **C** | **Jarak Lampu Dan Ketinggian Tiang** | | | | |
| 1. | Jarak Setiap Unit Lampu Jalan Adalah Seperti Berikut :-<br>a. Tidak melebihi 33 meter bagi ketinggian 8 hingga 10 meter bagi kawasan perumahan, perindustrian dan komersil<br>b. Tidak melebihi 35 meter bagi ketinggian 12 meter di jalan utama | | | | |
| **D** | **Feeder Pillar** | | | | |
| 1. | Feeder pillar mestilah mempunyai ciri-ciri seperti berikut :-<br>a. Mempunyai indeks perlindungan IP54. Saiz berukuran standard 1500mm tinggi, 1020mm panjang dan 400mm lebar.<br>b. Main cut out fius berkadaran 100amp.<br>c. Mempunyai isolator 100amp untuk memutuskan bekalan elektrik dari (PE TNB) ke cut out utama 100amp.<br>d. Setiap keluaran / outgoing hendaklah dikawal oleh sesentuh/ contactor yang berasingan (1 outgoing – 1 sesentuh)<br>e. Dilengkapi dengan 2 unit Belting Locking Mechanism bagi tujuan keselamatan.<br>f. Mempunyai logo MPAG dibahagian hadapan pintu Feeder Pillar<br>g. Dilengkapi dengan Concrete Footing sekurang kurangnya 300mm dari aras tanah.<br>h. Lokasi Feeder Pillar bersesuaian dan bebas daripada laluan pejalan kaki serta tidak menghalang pandangan kenderaan keluar dan masuk.<br>i. Lengkap dengan tingkap boleh buka berengsel bahagian atas bagi meter TNB. | | | | |

| Bil | Perkara | Semakan | | | Catatan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Patuh | Tidak Patuh | Tidak berkaitan | |
| | j. Bacaan kerintangan ke bumi tidak melebihi daripada 5Ω<br><br>k. Alat pelindung earth leakage relay (ERL) atau (ELCB) berkadaran tidak melebihi 100mA di pasang pada setiap litar akhir lampu awam. | | | | |
| **E** | **Sticker** | | | | |
| 1. | Menampal dan menandakan pelekat pada setiap tiang lampu jenis keluli bergalvani dan Feeder Pillar<br><br>**1.1 Tiang Lampu Jenis Keluli Galvani**<br>a. Nama MPAG beserta logo<br>b. Nombor tiang<br>c. Warna fasa bagi setiap pendawaian dari tiang ke tiang<br><br>**1.2 Feeder Pillar**<br>a. Nama MPAG beserta logo<br>b. Nama jalan.<br>c. Nombor Feeder pillar.<br>d. Lebel pada setiap kabel keluar. | | | | |